

10 JAN 2003

UTAR-Pertubuhan

200 PERTUBUHAN AKAN SERTAI PELETAKAN BATU ASAS UTAR

KAMPAR, 10 Jan (Bernama) -- Kira-kira 200 pertubuhan dan badan bukan kerajaan (NGO) akan menghadiri majlis peletakan batu asas kampus utama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang dijangka dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Ahad ini.

Pengerusi MCA negeri Datuk Ong Ka Chuan berkata memandangkan peletakan batu asas itu bertema untuk menyampaikan penghargaan kepada Perdana Menteri, banyak pertubuhan dan NGO memohon untuk hadir bagi memeriahkan majlis itu.

Katanya setiap pertubuhan dan NGO akan membawa sepanduk dan kain rentang mengucapkan terima kasih kepada PM kerana berjaya meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif.

"Pada majlis peletakan batu asas itu, kita akan adakan persembahan tarian dan juga gimnastik dengan para peserta akan membuat persembahan akrobatik membentuk Menara Berkembar Petronas sebagai salah satu lambang kejayaan usaha Perdana Menteri. Juga ada deklamasi puisi yang ditujukan khas kepada Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan majlis itu bersama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr Isahak Yeop Mohd Shar di tapak kampus utama UTAR, di sini hari ini.

Kedua-dua mereka juga telah meluangkan masa melawat kampus tetap Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) cawangan Kampar, bersebelahan tapak kampus utama UTAR.

Majlis peletakan batu asas yang akan bermula pukul 3 petang itu, dijangka dihadiri kira-kira 30,000 orang yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Ong berkata projek pembinaan peringkat pertama projek bernilai 60 juta yang membabitkan blok pentadbiran, fakulti sastera, ekonomi dan pentadbiran, akan dimulakan sebaik peletakan baru asas itu.

Projek itu dijadual siap dalam masa tiga tahun.

"Diharapkan pembinaan UTAR di atas tapak seluas 520 hektar dan Kolej TAR seluas 20 hektar akan membawa kesan positif kepada Kampar. Sepatutnya Kolej TAR sudah mula digunakan semalam tetapi pihak kami menangguhkannya sehingga Perdana Menteri melihatnya terlebih dahulu," katanya.

Ong yang juga Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri berkata sebelum upacara itu, Presiden MCA akan menerima obor api larian UTAR.

"Kita mulakan larian obor di Perak kerana kampus utama UTAR di Perak. Selepas ini, kita akan teruskan pula ke negeri-negeri lain untuk memaklumkan kepada masyarakat bahawa UTAR akan dibina," katanya.

-- BERNAMA

KAY LAT